MOBILE PHONES TABLETS GPS MEMORY CARDS CHARGERS CASES
Lazada.com.my Shop Now ▸ FREE DELIVERY AVAILABLE



# Lima sahabat reka perisian

**AZLINA OTHMAN**
20 Disember 2012



Pemenang bergambar bersama sijil dan wang tunai yang dimenang

SKUDAI – Melihat kepada perkembangan penggunaan internet yang kian meluas sejak kebelakangan ini, menggalakkan lima sekawan mencipta daya kreativitinya tersendiri menerusi perisian rangkaian dalam talian alam maya.

Lebih manis, ciptaan itu telah meyakinkan pihak juri untuk memilih mereka menjadi pemenang keseluruhan pada Cabaran Pelan Perniagaan Teknousahawan 2012 sekaligus membolot dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori poster dan persembahan terbaik.

Arith Amami Mislan, 24; Muhd Shaqeel Muhammad Soffian, 22; Eddy Azzahar Razak, 22; Mohd Hazman Arif, 23 dan Mohd Shazwan Jalani, 22 masing-masing merupakan penuntut Sarjana Muda Sistem Keselamatan Sains Komputer dari Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Mereka memperoleh kejayaan itu menerusi ciptaan perisian sistem keselamatan dalam talian yang diberi nama 'rootmybox' apabila berjaya menewaskan 66 kumpulan lain yang terdiri daripada 270 peserta termasuk 70 peserta dari Universitas Sri Vijaya, Palembang, Indonesia.

Kejayaan itu sekaligus melayakkan kelima-lima sahabat yang merupakan pelajar tahun tiga itu memperoleh wang tunai RM600 dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat UTM, Profesor Dr Mohd Aizaini Maarof.

Arith Amami berkata, kumpulannya mendapat ilham untuk mencipta perisian itu sejak tiga tahun lalu apabila melihat potensi seterusnya mampu dikomersialkan selain boleh menjana pendapatan tambahan.

"Sekarang ini dunia semakin canggih dan penggunaan internet semakin meluas termasuk urusan perbankan, belian dalam internet dan lain-lain. Saya dapat idea sejak tahun 2009 lagi dan sedikit demi sedikit saya kaji hingga terhasilnya ciptaan ini.

"Kelainannya perisian keselamatan yang kami cipta ini adalah ia merupakan produk yang mesra pengguna dan mudah diselenggarakan selain yuran bulanan yang murah iaitu RM10 sebulan. Kami juga berjaya menjana pendapatan bersih hampir mencecah RM1,000 sebulan.

"Alhamdulillah, kami tidak menyangka terpilih menjadi pemenang kerana kesemua perisian yang dicipta memiliki idea dan keistimewaan yang tersendiri. Kami bersyukur gabungan idea kami berlima boleh diaplikasi dan terpilih pada pertandingan ini.

"Ini akan menjadi pemangkin semangat kami untuk mengemaskini perisian berkenaan kerana kami sangat mengutamakan kepuasan pengguna menerusi memberi perkhidmatan yang terbaik. Selepas ini, diharap perisian keselamatan ini terus mendapat tempat di semua golongan," katanya.

Cabaran Pelan Perniagaan Teknousahawan 2012 anjuran Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat UTM merupakan program julung kali diadakan bagi menyediakan platform dan mengetengahkan idea-idea berasaskan teknologi di kalangan mahasiswa UTM kepada pihak industri dan pelabur-pelabur selain menggalakkan mahasiswa menghasilkan produk dan perkhidmatan berinovatif sekali gus dapat dikomersialkan.

Buku
- Renungan Buat Pecinta Syurga: Bertunang Bukan Lesen Hubungan Bebas

RESEPI
- Selera kampung D'Limau Nipis

CAKAP CAKAP PILIHANRAYA
- PRU13: Makna bayangan kelima Najib

NOVEL
- Sayang Awak, Sayang...: Bab 4

FAMILI
- Ustaz Hasan: Kerjaya maya boleh elak fitnah

PERSONALITI
- Heliza Helmi: 'Berdoa ditemukan jodoh kekal ke Jannah'

BUSANA
- Hijab, Rahsia Muslimah Menawan

STAILO
- Buah tangan pertama Naza Bikes & TBR

TANYA DR. NIZAR
- Alternatif lutut sendi besi

DIREKTORI

GALERI FOTO

WAKTU SOLAT
Waktu-waktu solat di Malaysia

Artikel Lain
- Lima sahabat reka perisian

Artikel Berkaitan - Johor
- Pusat pemindahan dibuka semula
- Dedah kes salah guna kuasa
- Dua warga emas maut
- Lima sahabat reka perisian
- Barangan elektrik meragukan
- Lihat mayat jiran terbaring tidak bernyawa atas katil
- Kes penyakit kronik meningkat
- 'Tolong pindahkan kami'
- Tujuh jeti rosak akan dibaiki
- Rayu bantuan kaki palsu

SinarOnline
SinarOnline

SinarOnline Malaysia, India naikkan sasaran dagang dua hala kepada US$20 bilion #SHBisnes fb.me/1ALO2FQrO
3 minutes ago · reply · retweet · favorite

agoda's best hotel offers

get double and triple points

save money on your future bookings

book now!

agoda.com

TUKAR KE 4G X FREE MiFi Modem RM 200 Rebate P1

*www.sinarharian.com.my tidak bertanggungjawab di atas setiap pandangan dan pendapat yang diutarakan melalui laman sosial ini. Ia adalah pandangan peribadi pemilik akaun dan tidak semestinya menggambarkan pandangan dan pendirian kami.*

Add a comment...

Post to Facebook Posting as Azurah ASamah (Not you?) Comment

**Zinbad Battle Station** · Top Commenter · Smk victoria kl

penat buat perisian juara dapat 600rm saja..punya lah kedekut..

Reply · Like · Follow Post · 5 hours ago

Facebook social plugin

1 1

SinarOnline Persiapan perkahwinan musnah dalam kebakaran #SHSemasa fb.me/1qucpUJEn

4 minutes ago · reply · retweet · favorite

SinarOnline Sumbangan 16 warga UTM kepada masyarakat Kemboja diiktiraf #SHNasional... fb.me/266Bry53A

27 minutes ago · reply · retweet · favorite

SinarOnline Kos MRT Sg Buloh-Kajang tidak lebih RM23 bilion #SHNasional... fb.me/2lwlNu8vl

27 minutes ago · reply · retweet · favorite

Join the conversation

**Keadaan fizikal jalanraya punca kemalangan meningkat**

- Setuju
- Tidak setuju

Lihat Keputusan

Iklan oleh Google

**Model Kereta Saga**

Proton Saga FLX Dengan ABS & EBD, Airbags Dan Lain. Lanjut Utk Lebih!

Proton-edar.com.m...

Syarat & Penafian | Pengiklanan | Hubungi Kami | Kerjaya

Resolusi terbaik pada 1024 x 768

©2012 | Hakcipta Terpelihara Grup Digital Karangkraf